

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

**BBT 302/3 - Botani Ekonomi**

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA daripada ENAM soalan yang diberikan, dalam Bahasa Malaysia.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

1. Setiap tamadun dunia dari zaman ke zaman, menggunakan tanaman dari famili gramineae sebagai makanan utama mereka. Bincangkan.

(20 markah)

2. Industri getah di Malaysia hampir runtuh disebabkan oleh kekurangan tenaga kerja di sektor perladangan. Apakah kesan ekonomi terhadap Negara akibat kemerosotan ini dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengekalkan kepakaran yang telah terkumpul sejak kejadian industri ini?

(20 markah)

3. Dengan kepakaran, sumber dan kemampuan yang ada di bidang pertanian sekarang ini, mampukah Malaysia menjadikan pertanian sebagai enjin ketiga dalam pertumbuhan ekonomi Negara ini. Apakah langkah-langkah yang harus diambil untuk menuju ke arah matlamat tersebut?

(20 markah)

4. Australia telah mengumpulkan germplasm buah-buahan tropika dari negara-negara di Asia Tenggara terutamanya, Malaysia, Indonesia, Filipina dan Thailand sejak hampir 10 tahun yang lalu. Apakah kesan aktiviti tersebut terhadap perkembangan industri buah-buahan tropika di Malaysia di masa-masa akan datang?

(20 markah)

5. Bincangkan, teknologi, cabaran dan prospek tanaman belimbing di Malaysia untuk pasaran antarabangsa.

(20 markah)

6. Namakan sejenis sayuran yang anda senangi dan huraikan cara-cara anda mengusahakan sebidang tanah seluas 0.5 ekar dengan tanaman sayuran yang anda pilih itu serta berikan anggaran kos dan pulangan di akhir satu musim penanaman.

(20 markah)

- ooo O ooo -